

# **DIMENSI PERANCANGAN DALAM HIKAYAT MALIM DEWA: KAJIAN PENDEKATAN PENGURUSAN**

*DIMENSION OF PLANNING IN HIKAYAT MALIM  
DEWA:  
FROM THE PERSPECTIVE OF THE MANAGEMENT  
APPROACH*

**Mohamad Zuber Bin Ismail**

Kulliyyah of Languages and Management,  
International Islamic University Malaysia

**Mohamad Mokhtar Abu Hassan**

Jabatan Kesusastraan Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

## **Abstrak**

Makalah ini mengemukakan satu pandangan baharu dalam dunia pengkajian kesusastraan yang rentas disiplin dengan ilmu pengurusan moden yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu, iaitu Hikayat Malim Dewa. Perbincangkan persoalan berdasarkan kerangka Prinsip Perancangan yang terdapat dalam “Pendekatan Pengurusan” yang diutarakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks merupakan dua kaedah yang diaplikasi dalam kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis Prinsip Perancangan yang digunakan dalam Hikayat Malim Dewa. Prinsip Perancangan ini dianalisis berdasarkan dimensi-dimensi perancangan, iaitu dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi pilihan alternatif, dimensi menilai langkah-langkah alternatif, dimensi memilih satu cara dan dimensi kajian semula ke arah merealisasikan objektif yang disasarkan. Hasil analisis memperlihatkan Prinsip Perancangan dalam Hikayat Malim Dewa signifikan dalam menggambarkan perancangan bijak pemimpin yang meneraju negara demi merealisasikan objektif yang disasarkan bertitik tolak daripada

analisis terhadap struktur karya. Pengurusan perancangan ini menyerlah daripada keberkesanan dimensi-dimensi perancangan yang diaplikasikan watak dan ternyata prinsip ini mendampakkan kesignifikan sebagai landasan kajian. Kajian ini membuktikan bahawa Prinsip Perancangan merupakan satu indikator penting dalam mengangkat kebijaksanaan pemikiran pemimpin. Secara kesimpulannya, Prinsip Perancangan yang dipaparkan dalam Hikayat Malim Dewa ini memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam memperlihatkan satu ciri penting aspek pengurusan dalam teks karya sastera tradisional.

**Kata kunci:** Cerita Lipur Lara, Pendekatan Pengurusan, Prinsip Perancangan, Dimensi Perancangan, Hikayat Malim Dewa.

### ***Abstract***

*This paper presents an assessment of a new approach in the world of Malay literature as cross disciplinary in nature. It attempts to examine an aspect of modern management in the Hikayat Malim Dewa. Discussions of issues is based on management approach advocated by Mohamad Mokhtar Abu Hassan in 2013. The main objective of this study is to analyze the Principle of Planning used in the Hikayat Malim Dewa. The principle of planning will be analyzed based on the dimension to set objectives, the dimension to developed strategies, the dimension of alternative options, the dimension evaluate alternative measures and the dimensional review of its effectiveness. The results show principle of planning in Hikayat Malim Dewa significant in describing the design of intelligent leader who lead the country to realize the intended objectives. This study proves that the principle of planning is an important indicator in lifting the wisdom of thought leaders. In conclusion, the principle of planning is displayed in Hikayat Malim Dewa shows a high tendency to show an important feature in the management aspects of traditional literary text.*

**Keywords:** Folklore, Management Approach, Principle of Planning, Dimension of Planning, Hikayat Malim Dewa.

## Pengenalan

Pawang Ana dan Raja Haji Yahya telah meninggalkan khazanah ilmu yang sangat berharga dalam dunia tradisi lisan di Malaysia. Khazanah ilmu ini amat sarat dengan unsur-unsur moral dan didaktik yang telah memberikan impak terhadap dunia kajian sastera di Malaysia. Teks-teks peninggalan ilmuwan prolifik ini sentiasa mendapat perhatian para pengkaji dan penggiat sastera tanah air. Teks-teks cerita lipur lara seperti Hikayat Awang Sulung Merah Muda (1904), Hikayat Raja Muda (1908), Hikayat Malim Dewa (1908), Hikayat Anggun Cik Tunggal (1914) telah menjangkau usia berabad-abad lamanya dan telah diangkat serta diiktiraf sebagai karya agung oleh Persatuan Karyawan Malaysia. Teks-teks kajian ini juga telah dijadikan sebagai sukanan pelajaran oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada peringkat Menengah dan peringkat pengajian tinggi.

Hubungan antara sastera dan masyarakat sangat erat sejak bermulanya tradisi lisan lagi. Keeratan hubungan itu bersandarkan premis bahawa sesuatu karya kreatif imaginatif tidak dihasilkan dalam kekosongan (*in vacuo*), bahkan kewujudan sesuatu karya sastera juga sering kali dikaitkan dengan kehidupan masyarakat yang melatarinya. Hal ini dapat dikesan dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang merupakan khazanah warisan bangsa yang di dalamnya terungkap pemikiran, falsafah kehidupan masyarakat dan nilai-nilai luhur. Sastera rakyat yang berkembang dalam masyarakat adalah milik bersama yang berbentuk naratif. Penyebaran adalah secara pertuturan atau lisan oleh penutur profesional atau amatur. Impaknya, teks cerita lipur lara ini terus mewarnai dan melakarkan sejarah penting dalam dunia peradaban tamadun Melayu.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis dokumen atau teks. Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih teks yang sesuai dan melalui proses pembacaan yang teliti bagi mengenal pasti struktur yang relevan dengan Dimensi Perancangan yang terletak dalam Prinsip Perancangan. Seterusnya analisis memberi fokus terhadap struktur, iaitu watak dan perwatakan, peristiwa, isu, persoalan, latar dan nilai yang diperincikan. Penelitian dari segi tindakan serta pemikiran yang terkandung dalam penceritaan teks “Hikayat Malim Dewa” turut dilakukan.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini menggunakan teks “Hikayat Malim Dewa” karya Pawang Ana dan Raja Haji Yahya, diterbitkan oleh Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam, 1998. Kajian ini dibataskan dengan mengkaji satu teks sahaja dengan meneliti keseluruhan isi kandungan dari segi struktur yang relevan dengan Prinsip Perancangan. Pendekatan Pengurusan menggariskan lima prinsip sebagai asas untuk mengukur aspek pengurusan dalam sesebuah karya. Kajian ini dibataskan dengan mengaplikasi satu daripada lima prinsip berkenaan, iaitu Prinsip Perancangan. Analisis dilakukan dengan meneliti Prinsip Perancangan berlandaskan dimensi-dimensi perancangan, iaitu dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi menilai langkah-langkah alternatif, dimensi memilih satu cara, dimensi pilihan alternatif dan dimensi kajian semula ke arah mencapai objektif yang disasarkan. Fokus kajian dalam keenam-enam dimensi perancangan ini ditekuni berdasarkan struktur teks, iaitu dari segi watak dan perwatakan, latar, persoalan, nilai dan pemikiran tersurat serta tersirat yang terdapat dalam teks tersebut. Secara ringkasnya, perbincangan ini meneliti unsur pengurusan berlandaskan Prinsip Perancangan dalam cerita lipur lara.

## **Kajian Lepas**

Cerita lipur lara Melayu merupakan khazanah keintelektualan Melayu yang terus bertapak kukuh dalam dunia kesusastraan tanah air. Pesona kehebatan dan keunikan cerita lipur lara telah menarik dan memancing minat ramai para sarjana tempatan dan antarabangsa untuk terus mengkaji, meneliti dan meneroka genre Melayu tradisional yang berbentuk naratif ini. Antaranya ialah Syed Abdullah Syed Sulaiman (2011), Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2008), Madiawati Mustafa (2012), Madiawati Mustafa & Arbai'e Sujud (2011), Zakaria Osman (1997), Zabidin Ismail (2012), Talib Samat (2012), Mohd. Rosli Saludin (2012). Selain itu, Bazrul Bahaman (2012), Jelani Harun (2012), Abdul Rahman Napiah (2012), Mohd. Zamberi Malik (2012) dan Mohamad Shahidan (2012) juga telah menjalankan kajian tentang cerita lipur lara.

Kajian berkaitan Pendekatan Pengurusan dapat diteliti menerusi kajian Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014) yang bertajuk “Kepimpinan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda.” Selanjutnya, Pendekatan Pengurusan dapat diteliti dalam artikel yang ditulis Sara Beden (2014) yang bertajuk “Prinsip Perancangan

dalam Hikayat Khoja Maimon.” Kajian ini menggunakan teks Hikayat Khoja Maimun yang dipilih dan dimuatkan dalam Antologi Harga Remaja (2009). Dalam penulisan artikel ini, Sara Beden telah mengaplikasikan Prinsip Perancangan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Sara Beden (2015) juga telah menulis artikel yang bertajuk “*Kepimpinan Berjiwa Rakyat dalam Prosa Tradisional*,” dalam antologi teks *Kepimpinan Melalui Teladan*. Penerbitan artikel ini mendampakkan satu lagi sokongan awal dalam mengetengahkan pendekatan ini dalam dunia kritikan sastera dan boleh dijadikan sebagai satu lagi sumber rujukan ilmiah.

Kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), dalam kertas kerja bertajuk “*Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera*” telah meneliti cerita-cerita rakyat berdasarkan Pendekatan Pengurusan. Kajian ini mengkaji Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Perancangan dengan membataskan perbincangan berdasarkan dua buah cerita rakyat, iaitu “*Sang Kancil dan Buaya*” dan “*Lebai Malang*”. Kertas kerja yang sama turut mengupas persoalan pengurusan dalam cerpen yang bertajuk “*Di Sebalik Tirai Makna*,” hasil karya Awang Said Mokhtar. Kajian tersebut mengetengahkan Pendekatan Pengurusan berdasarkan Prinsip Pengorganisasian dan Prinsip Penstafan.

Selain itu, Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014), dalam kertas kerja yang bertajuk “Prinsip Perancangan: Penelitian berdasarkan Cerita-cerita Rakyat”, telah menggunakan Pendekatan Pengurusan untuk menganalisis *Koleksi 366 Cerita Rakyat Melayu* hasil karya Othman Puteh dan Aripin Said. Karyakarya ini juga telah menggunakan Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Kepimpinan dalam teks cerita lipur lara *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*.

Berdasarkan soroton kajian, karya sastera rakyat yang memberi fokus terhadap aspek pengurusan dalam cerita lipur lara amat terhad dan belum mendapat perhatian yang meluas di kalangan pengkaji dan penggiat sastera. Oleh itu, kajian tentang cerita lipur lara berlandaskan Pendekatan Pengurusan diharapkan dapat memenuhi ruang dan kelompongan yang ada bagi melengkapkan serta menyediakan satu penulisan tentang aspek pengurusan dalam karya sastera, khususnya cerita lipur lara.

## Prinsip Perancangan Bawah Pendekatan Pengurusan

Azman Che Omar (2013), mentakrifkan perancangan sebagai satu proses menentukan objektif yang dikehendaki dan seterusnya membina strategi-strategi tindakan yang sesuai serta terbaik dengan mengambil kira faktor-faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran yang akan mempengaruhi sesebuah organisasi untuk mencapai objektif tersebut. Oleh sebab sesuatu perancangan tersebut berorientasikan masa depan, maka perancangan seharusnya melibatkan penentuan apa yang perlu, siapa yang bertanggungjawab untuk melakukannya, bila hal tersebut akan dibuat dan mengapa sesuatu tindakan itu perlu diambil. (Jaafar Muhammad, 1999: 39). Pandangan ini juga selari dengan pandangan yang diketengahkan oleh Harold Koontz. Beliau menjelaskan perancangan sebagai penentuan tentang apa yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan menjadi pelaksana.

Kamus Dewan Bahasa (2004) pula, mentakrifkan ‘merancang’ sebagai proses merencanakan atau mempersiapkan. Jaafar Muhammad (1999) serta Robbins & Coulter (1999) pula mentakrifkan perancangan sebagai proses yang melibatkan pentakrifan objektif dan matlamat organisasi, mewujudkan strategi keseluruhan untuk mencapai matlamat-matlamat dan membangunkan rancangan yang menyeluruh untuk menyelaras serta mengintegrasikan semua aktiviti dalam organisasi. Selain itu, Certo (1997: 79) mendefinisikan perancangan adalah satu proses menentukan bagaimana sistem pengurusan akan mencapai matlamatnya. James A.F Stoner & Charles Wankel (1991: 47) dalam bukunya ‘Management’ menyatakan bahawa proses perancangan adalah proses membentuk dan memilih langkah pelaksanaan untuk menyelesaikan sesuatu perkara.

Kesimpulannya perancangan adalah satu proses menentukan visi, misi dan matlamat dan membentuk tindakan yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Perancangan menentukan bagaimana organisasi mampu menuju ke arah yang dikehendaki. Perancangan merupakan satu aktiviti yang melibatkan perkara seperti menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh sesuatu organisasi tersebut, bagaimana cara untuk mencapai matlamat yang ditentukan dan penggunaan kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk mencapai matlamat tersebut. Perancangan juga bertindak sebagai satu proses yang melibatkan pengurus menentukan matlamat yang hendak dicapai dan menentukan tindakan yang paling sesuai pada semua peringkat organisasi yang melibatkan semua individu dalam organisasi berkenaan, pemboleh ubah-pemboleh ubah daripada

persekitaran dalaman dan luaran yang diuruskan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Menjelaskan secara lebih terperinci berkenaan Prinsip Perancangan, Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) telah mengutarakan satu gambar rajah penting tentang dimensi-dimensi perancangan yang dilalui oleh watak untuk mencapai sesuatu objektif. Dalam menekuni teks *Hikayat Malim Dewa* ini, fokus diberikan kadangan menganalisis dimensi-dimensi perancangan seperti yang terdapat dalam Rajah 1 berikut:



**Rajah 1:** Dimensi-dimensi Perancangan

## Pengklasifikasian Data Kajian

Hikayat Malim Dewa merupakan sebuah teks yang memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam memaparkan salah satu prinsip pengurusan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), iaitu Prinsip Perancangan. Dimensi-dimensi perancangan yang diaplikasikan oleh watak-watak pemimpin dalam prinsip ini mempengaruhi gaya kepemimpinan seseorang pemimpin dalam memacu hala tuju organisasi bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Hasil analisis kajian membuktikan bahawa watak pemimpin dalam Hikayat Malim Dewa telah mengaplikasikan dimensi-dimensi Prinsip Perancangan melalui empat peristiwa penting yang dikesan bertitik tolak

daripada analisis terhadap struktur teks. Pengaplikasian dimensi-dimensi ini telah mendampakkan wujudnya suatu perancangan bijak yang telah dilantunkan oleh watak-watak pemimpin dan teks kajian. Impaknya, keberkesanan dimensi-dimensi perancangan yang dilaksanakan oleh pemimpin demi merealisasikan objektif berdasarkan peristiwa-peristiwa penting dalam teks kajian telah menyerlahkan serta memancarkan satu ciri penting dalam aspek pengurusan, iaitu perancangan telah diangkat dan dilantunkan oleh watak pemimpin dalam teks kajian. Perancangan bijak watak pemimpin dalam *Hikayat Malim Dewa* dapat dikenal pasti berdasarkan empat peristiwa penting yang dianalisis menggunakan Prinsip Perancangan. Peristiwa-peristiwa tersebut ialah:

- i. Perancangan Raja Bujang dalam peristiwa menyembuhkan penyakit adindanya, Tuan Puteri Andam Dewi.
- ii. Perancangan Tuanku Malim Dewa dalam peristiwa mencari calon isteri.
- iii. Perancangan Tuanku Malim Dewa sewaktu bertarung dengan burung garuda.
- iv. Perancangan Maharaja Pertukal dalam peristiwa menyerang Kuala Air Batu.

Keempat-empat peristiwa penting yang diangkat oleh pengarang dalam naratif penceritaan ini dianalisis menggunakan dimensi perancangan berdasarkan Prinsip Perancangan. Watak pemimpin ini telah dianalisis berdasarkan enam dimensi perancangan, iaitu dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi menilai langkah-langkah alternatif, dimensi pilihan alternatif, dimensi memilih satu cara dan dimensi kajian semula. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa di sebalik peristiwa perancangan bijak pemimpin, terserlah keberkesanan dimensi-dimensi perancangan yang diaplikasikan oleh watak pemimpin untuk merealisasikan objektif.

Walau bagaimanapun, hasil analisis mendapati untuk mencapai objektif seperti yang diisaskan, pemimpin tidak semestinya melalui keenam-enam dimensi perancangan yang diketengahkan. Daripada empat peristiwa yang dianalisis, memperlihatkan bahawa wujudnya dimensi-dimensi tertentu sahaja, seperti dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi memilih satu cara, dimensi pilihan akternatif dan dimensi kajian semula yang diaplikasikan watak pemimpin untuk merealisasikan objektif dalam *Hikayat Malim Dewa* ini. Secara ringkasnya, dimensi-dimensi perancangan yang dianalisis dalam teks kajian ini merupakan indikator penting yang menjadi kayu pengukur

dalam menguji keberkesanan tindakan watak pemimpin dalam melaksanakan objektif telah diekspresikan dalam kajian ini.

## **Dimensi Perancangan Dalam Hikayat Malim Dewa**

### Peristiwa Perancangan Raja Bujang menyembuhkan penyakit Tuan Puteri Andam Dewi

Berdasarkan analisis peristiwa Raja Bujang mengubati adindanya, Tuan Puteri Andam Dewi terserlah satu ciri penting pengurusan yang dilakukan oleh watak tersebut dalam merealisasikan misi baginda, iaitu perancangan. Di sebalik perancangan yang digambarkan terserlah sifat pemimpin yang arif dan bijaksana yang terpancar sewaktu beliau membuat keputusan. Hal ini seperti yang dilantunkan oleh watak Raja Bujang dalam usaha menyembuhkan adindanya. Menerusi peristiwa tersebut, Raja Bujang telah menetapkan objektif, iaitu untuk menyelamat dan menyembuhkan penyakit adindanya, Tuanku Puteri Andam Dewi. Sebagai seorang abang dan anak lelaki dalam keluarga, terpancar sikap bertanggungjawab Raja Bujang untuk mencari penawar untuk merawat penyakit misteri adindanya. Dalam peristiwa mengubati Tuan Puteri Andam Dewi, Raja Bujang telah mengikhtiar kan pelbagai cara dan jalan terbaik untuk memulihkan kesihatan tuan puteri.

Dalam merealisasikan objektifnya, Raja Bujang telah melaksanakan dimensi-dimensi perancangan ini untuk mencapai objektifnya. Raja Bujang telah membentuk strategi dalam usaha untuk menyembuhkan penyakit yang dialami adindanya. Strategi pertama yang terlintas pada fikiran Raja Bujang pada ketika itu adalah memanggil tabib, bomoh dan dukun untuk merawat penyakit Tuan Puteri Andam Dewi. Hal tersebut dapat diperhatikan dalam petikan berikut:

Maka setelah didengar oleh Raja Bujang akan adinda baginda gering sangat itu, maka ia pun berlari masuk ke dalam mahligai itu. Didapati ayahanda bonda menangis pula yang teramat sangat, langsung segera ia menghampiri adindanya, dirasa tubuhnya yang tinggal nadinya sahaja yang ada lagi. Maka Raja Bujang pun bertitah menyuruh memanggil tabib bomoh, dukun akan mengubati adinda baginda itu, tiada juga muhu baik. (Hikayat Malim Dewa, 1998:59)

Baginda telah memanggil tabib, bomoh dan dukun untuk merawat penyakit Tuan Puteri Andam Dewi. Walau bagaimanapun, tabib, dukun dan bomoh yang datang gagal untuk menyembuhkan penyakit adindanya. Apabila mendapati penyakit adindanya masih juga belum sembah walaupun setelah mendapat rawatan daripada tabib dan para dukun, Raja Bujang tidak berputus asa. Hasil daripada pengamatan dan tilikan salah seorang tabib, Raja Bujang dimaklumkan bahawa penyakit yang dihidapi oleh Tuan Puteri Andam Dewi adalah disebabkan oleh perbuatan Maharaja Pertukal dan hanya orang tersebut sahaja yang boleh merawatnya. Berpandukan nasihat dan tilikan daripada tabib berkenaan, Raja Bujang seterusnya memikirkan strategi selanjutnya untuk mengubati adinda baginda. Strategi bijak yang digunakan Raja Bujang adalah mengutuskan surat menyatakan keinginan untuk bersahabat dengan Maharaja Pertukal. Strategi tersebut merupakan pilihan alternatif yang ada dalam usaha beliau melaksanakan objektifnya. Strategi ini dapat diperhatikan dalam petikan berikut:

Arakian, setelah didengar oleh Raja Bujang akan sembah tabib yang tua itu, ia pun segera menitahkan Perdana Menteri membawa surat menyilakan Maharaja Pertukal hendak bersahabat, janganlah jadi perbalahan lagi berlaku saudara. (Hikayat Malim Dewa, 1998:59)

Pemikiran rasional Raja Bujang dalam membuat keputusan telah membawa hasil yang positif. Pandangan jauh Raja Bujang untuk menjalin persahabatan dengan Raja Pertukal adalah suatu tindakan dan langkah yang bijak demi merealisasikan objektifnya. Raja Bujang menyatakan kepada Maharaja Pertukal tiada guna berbalah sesama sendiri kerana hanya mendapat kecelakaan dan dikeji oleh kerajaan yang lain. Peristiwa ini dapat diperhatikan dalam petikan berikut:

Maka Sultan Baginda Raja Bujang lalu bertitah, ‘Ayuhan kakanda Seri Maharaja Pertukal, maka adapun sebab adinda persilakan kakanda berangkat ke mari ini, ada suatu hajat adinda, jikalau ada mudah-mudahan adinda memohonkan ubat adinda Tuan Puteri Andam Dewi itulah, terlalu gering sekarang, tambahan adinda hendak berdamai dengan kakanda, jangan jadi perbalahan. (Hikayat Malim Dewa, 1998: 62)

Raja Bujang bertindak merencanakan perancangan untuk menyelamatkan adiknya daripada sihir Maharaja Pertukal. Raja Bujang

telah membuat perancangan yang teliti bagi menyelesaikan kemelut yang melanda di antara baginda dan Maharaja Pertukal. Raja Bujang mengambil langkah yang bijak dengan menawarkan rundingan damai demi mengubati penyakit adiknya. Raja Bujang telah menghantar rundingan damai kepada Maharaja Pertukal untuk menjalinkan hubungan diplomasi. Perancangan Raja Bujang memberikan hasil yang memberangsangkan apabila hasil rundingan damai dapat menyelamatkan Tuan Puteri Andam Dewi serta Raja Bujang berjaya mencapai matlamat yang disasarkan.

Sikap rasional Raja Bujang dapat dilihat apabila baginda membuat keputusan untuk berbaik dengan Maharaja Pertukal. Menurut Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman (2000), membuat keputusan berlaku apabila timbul sesuatu masalah. Pemikiran rasional boleh mengatasi penilaian yang dibuat secara beremosi, khususnya emosi negatif (Robbins, 2003). Raja Bujang tidak menggunakan kekerasaan ataupun paksaan terhadap Maharaja Pertukal demi mengubati adindanya yang gering. Hal ini amat signifikan kerana pemimpin yang mentadbir negara mampu membuat keputusan atau sebarang tindakan mengikut akal fikiran yang rasional, bukannya berlandaskan emosi atau perasaan. Keputusan yang dibuat berlandaskan emosi mengakibatkan kerugian dan kesengsaraan kepada kedamaian serta kesejahteraan rakyat. Cooper & Sawaf (1997) menyatakan bahawa emosi mempunyai nilai dalam bidang kepimpinan dan organisasi. Hal ini kerana, pemimpin yang hilang pertimbangan dalam membuat kata putus yang tepat akan memberi impak terhadap kesejahteraan dan pembangunan sesebuah organisasi.

Raja Bujang mendapati strateginya berjaya kerana Maharaja Pertukal mempunyai ubat untuk menyembuhkan adinda Tuan Puteri Andam Dewi. Kejayaan Raja Bujang menyembuhkan penyakit adindanya bertitik tolak daripada keberkesanan dimensi-dimensi perancangan yang diaplikasikan oleh watak dalam peristiwa ini, seperti berikut:

Maka dengan takdir Allah subhanahu wataala melakukan kudrat iradatnya, maka Tuan Puteri Andam Dewilalulah senang, lalu bangun pulang pulih seperti sediakala.  
(Hikayat Malim Dewa, 1998: 64)

Melalui peristiwa ini dapat dibuat satu rumusan, selain memiliki sikap kebertanggungjawaban, seorang pemimpin harus bijak dalam mendepani setiap permasalahan yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Sebagai pemimpin, sifat arif dan bijaksana jelas terserlah pada watak Raja

Bujang. Jaafar Muhammad (1991) berpendapat bahawa kepemimpinan yang berkesan adalah pemimpin yang mempunyai sifat-sifat kebijaksanaan dan keyakinan diri. Kebijaksanaan yang dipamerkan oleh Raja Bujang dalam peristiwa ini menjelaskan betapa pentingnya sikap dan tindakan profesional yang dimiliki untuk mencapai keputusan yang paling tepat dalam menangani permasalahan tersebut. Ab. Aziz Yusof (2004) menyatakan kepintaran emosi diperlukan dalam membuat keputusan. Keputusan yang dibuat adalah satu proses yang memenuhi kehendak satu organisasi termasuklah bebanan yang akan diterima sama ada positif atau negatif bagi mendapatkan keputusan yang paling optimum atau secara terbaik. Hal ini amat menepati konsep kepimpinan demi memelihara kesejahteraan sesebuah organisasi.

Sebagai seorang pemimpin, Raja Bujang bijak berhadapan dalam menangani permasalahan-permasalahan yang kompleks. Namun situasi ini tidak menyebabkan Raja Bujang menggelabah dan bertindak mengikut emosi dengan perasan yang marah. Pada asasnya, emosi positif meningkatkan kesejahteraan diri dalam jangka masa panjang (Cheng, 2004). Hal ini disokong oleh Fineman (2003) yang menyatakan bahawa pengurusan emosi adalah penting dalam bidang pengurusan sumber manusia, kelakuan organisasi dan psikologi organisasi, terutamanya dari segi kepimpinan, membuat keputusan, menangani perubahan dalam organisasi dan pengurusan konflik. Bertitik tolak daripada peristiwa tersebut, pemikiran yang rasional dapat menghasilkan satu jalan penyelesaian yang tepat. Pemikiran yang rasional ini datangnya daripada kebijaksanaan, iaitu bagaimana cara seorang pemimpin yang bijak berfikir dan meramalkan situasi jangka panjang yang akan berlaku. Keputusan dan langkah yang silap boleh mengundang padah. Namun kebijaksanaanlah yang telah menyelamatkan adindanya daripada penyakit misteri. Inilah yang menjadi alasan perlunya kebijaksanaan dalam proses memimpin. Paparan sifat kebijaksanaan yang dilantunkan dalam teks ini yang diperlihatkan melalui strategi perancangan bijak watak pemimpin telah mengangkat satu aspek pemikiran pengurusan kepemimpinan Melayu, khususnya dalam aspek perancangan yang seharusnya diteladani.

### **Perancangan Tuanku Malim Dewa Mencari Calon Isteri**

Peristiwa seterusnya yang mendampakkan wujudnya perancangan dapat ditekuni dalam Hikayat Malim Dewa ialah peristiwa Tuanku Malim Dewa mencari calon isteri. Tuanku Malim Dewa telah menetapkan objektifnya untuk mencari calon isteri. Dalam ini, Tuanku Malim Dewa telah

membentuk beberapa strategi untuk melaksanakan objektifnya. Tuanku Malim Dewa telah mendapatkan pertolongan daripada burung bayan untuk mencari calon yang sesuai untuk dijadikan isteri baginda. Dalam melaksanakan objektifnya, Tuanku Malim Dewa meminta pertolongan daripada seekor burung bayan kepunyaan Tuan Puteri Gengorek. Peristiwa tersebut dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

“Kepada fikiran ayahanda patutlah anakanda beristeri, tetapi jikalau anakanda hendak beristeri rasanya, silakan anakanda berangkat ke negeri Meliuh, ada saudara anakanda di situ seorang tuan puteri yang bernama Puteri Gengorak, ada menaruh seekor burung bayan yang akan boleh mencariakan isteri tolok banding anakanda”.

(Hikayat Malim Dewa, 1998: 19)

Dalam mengukuhkan strateginya, Tuanku Malim Dewa memberi tiga bentuk cincin kepada burung bayan untuk calon-calon isteri sebagai tanda. Strategi Tuanku Malim Dewa meminta bantuan daripada burung bayan membuaahkan hasil apabila tiga orang puteri telah menjadi tunangan kepada Tuanku Malim Dewa, iaitu Tuan Puteri Gentasari dari negeri Kuala Medan Balik, Tuan Puteri Andam Dewi dari Kuala Air Batu dan Puteri Nilam Cahaya dari kayangan. Strategi ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Maka titah baginda, ‘Ayuhan Si Kembang Cina, ambilkan beta cincin tiga bentuk, sebentuk bernama “merak menggigal”, sebentuk bernama “guntul gelang biram” dan sebentuk bernama “syahadul Makah”. Serta pula ambilkan kain cindai tujuh helai, sisipkan ke dalam bungkus kertas perbuatan Mengkasar, ditulis dengan canggai panjang, kemudian didudukkan di dalam: Kembal gundi kembal bedara.’ (Hikaya Malim Dewa, 1908: 26)

Walau bagaimanapun, Tuanku Malim Dewa berhadapan dengan situasi yang rumit apabila terpaksa memilih bakal isteri daripada ketiga-tiga calon tersebut. Tuanku Malim Dewa telah mendapat idea yang bernas bagi menyelesaikan masalah tersebut dengan merujuk kepada Tuanku Puteri Terus Mata. Hal ini amat bertepatan kerana Tuanku Puteri Terus Mata mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam menentukan calon yang paling sesuai dan layak untuk dijadikan isteri kepada Tuanku Malim

Dewa. Burung bayan mengadap Tuan Puteri Terus Mata setelah dititah oleh baginda untuk tujuan tersebut. Petikannya seperti berikut:

‘Ayuhai anakandaku si burung bayan yang setia setiawan dengan ayahanda, melainkan Allah dan rasul juga yang membalaskan budi anakkku itu, melainkan yang ayahanda ini selama-lamanya terhutang budilah kepada anakanda dunia akhirat. Maka sekarang kepada fikiran ayahanda, baiklah silakan kembali dahulu menghadap paduka bonda Tuan Puteri Terus Mata ke atas kayangan, persesembahkan perkhabaran hal-ehwal ayahanda ini sekarang’. (Hikayat Malim Dewa, 1998: 46)

Tuanku Malim Dewa mendapati strateginya berjaya kerana burung bayan telah menemui calon isteri baginda iaitu Tuan Puteri Andam Dewi dari negeri Kuala Air Batu. Ahmad Atory Hussain (1991) menyatakan bahawa keputusan adalah dianggap baik jika perlaksanaannya berkesan. Dalam kepimpinan setiap keputusan sama ada kecil, besar atau rutin mesti diberi perhatian. Apabila aspek keputusan diberi perhatian, maka semua perancangan yang diatur oleh pemimpin lebih mudah dilaksanakan dan dengan itu segala matlamat yang ingin dicapai akan dapat dipenuhi seperti yang dapat ditekuni pada watak Tuanku Malim Dewa.

Pengetahuan dan kecerdikan tidaklah lengkap apabila tidak dilengkapi dengan sifat pandai. Kepandaian dalam konteks ini dapat dimaknai sebagai kemampuan analisis yang baik terhadap masalah-masalah yang ada seperti yang tergambar pada watak Tuanku Malim Dewa. Dengan ditunjangi oleh pengetahuan yang cukup, ditambah dengan kepandaian dalam analisis, maka pemimpin harus cerdik dalam mengambil setiap keputusan. Pemimpin yang pandai membuat keputusan menyedari dan dapat menentukan akibat sesuatu alternatif. Secara teori, pemimpin itu dapat menentukan akibat sesuatu alternatif dipilih dan dilaksanakan seperti yang dapat ditekuni pada watak Tuanku Malim Dewa. Menurut Ab. Aziz Yusof (2004), keputusan diambil berdasarkan pelbagai alternatif supaya menepati situasi sebenar atau situasi yang dikehendaki. Oleh itu proses membuat keputusan adalah satu proses pemilihan daripada beberapa alternatif yang perlu dilakukan oleh pemimpin. Biasanya seorang pemimpin yang fleksibel akan memilih alternatif paling optimum atau terbaik. Analisis adalah bahagian terpenting dalam usaha penyelesaian masalah yang harus ada pada seorang pemimpin. Oleh sebab itu, kemampuan analisis yang baik sangat

diperlukan untuk menjadi pemimpin yang baik. Pepatah lama mengatakan: “*Bagi yang pandai, mana yang kusut akan selesai; orang yang pandai pantang memandai-mandai*” (Tenas Effendy, 2000: 27) Inilah gambaran yang dapat dikaitkan dengan kecerdikan yang terpancar pada watak pemimpin dalam teks hikayat ini, iaitu Tuanku Malim Dewa.

Peringkat-peringkat perancangan yang ditekuni pada watak Tuanku Malim Dewa ini juga selari dan signifikan dengan dimensi-dimensi perancangan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016:8). Bertitik tolak daripada keberkesanan dimensi-dimensi perancangan ini telah membawa kejayaan kepada Tuanku Malim Dewa dalam mencari calon isteri yang tepat dan memenuhi kriteria untuk dijadikan permaisuri baginda.

### **Perancangan Maharaja Pertukal untuk membinasakan Negeri Kuala Air Batu**

Dalam kepimpinan, kesilapan membuat keputusan tetap berlaku sehingga menyebabkan keputusan itu kurang berkesan. Hal ini berlaku disebabkan emosi yang tidak matang dan kurang arif dalam menilai perlakuan dan proses membuat keputusan serta memberi impak. Ahmad Atory Hussain (1996) berpendapat emosi mengehadkan keupayaan manusia sebagai pembuat keputusan. Pernyataan ini dapat dikaitkan berdasarkan peristiwa perancangan Maharaja Pertukal membinasakan Negeri Kuala Air Batu. Melalui analisis peristiwa ini, objektif Maharaja Pertukal adalah untuk membinasakan negeri Kuala Air Batu. Maharaja Pertukal bertindak sebegini kerana berasa murka apabila hasratnya untuk meminang Tuan Puteri Andam Dewi ditolak. Dalam merealisasikan misinya, Maharaja Petukal telah merencanakan strateginya dengan berlayar ke negeri Gua Batu Belang untuk meminta pertolongan dari abangnya bagi membinasakan negeri tersebut. Peristiwa ini dapat diteliti dalam petikan berikut:

Maharaja Pertukal menuju ke negeri Gua Batu Belang untuk meminta pertolongan dari Maharaja Sianggerai untuk membinasakan negeri Kuala Air Batu. Maharaja Sianggerai menghantar burung ke negeri Kuala Air Batu. (Hikayat Malim Dewa, 1998: 69-70)

Dalam mengukuhkan strateginya, Maharaja Sianggerai telah menghantar burung garuda untuk membinasakan negeri Kuala Air Batu

sehingga tiada benda yang hidup. Mengikut perancangan dan strategi yang dijalankan, rancangan Maharaja Pertukal membinasakan negeri tersebut berjaya. Burung garuda yang menyerang negeri itu memastikan tiada benda yang hidup di atas muka bumi negeri tersebut. Maharaja Pertukal berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan, iaitu membinasakan negeri Kuala Air Batu sehingga menjadi seperti “*padang jarak, padang tekukur*”.

Peristiwa ini jelas menunjukkan Maharaja Pertukal membuat keputusan berpandukan emosi semata-mata. Sikap baginda yang membuat keputusan dalam keadaan marah mengakibatkan banyak nyawa yang terkorban angkara diserang burung garuda. Menurut Ainan Mohd (2003), akal adalah fitrah manusia untuk berfikir, tetapi dalam menggunakan akal biasa, sesekali seseorang itu boleh membuat keputusan yang salah kerana tidak menggunakan logik akalnya. Menurut Jaafar Muhamad (2000), manusia memang emosional dalam melakukan sesuatu perkara. Sehubungan itu, kepimpinan juga terlibat secara langsung menghadapi gangguan emosi. Kenyataan ini diperkuuhkan oleh Fiedler (1967) dan Lynne Millward (2005) yang menyatakan bahawa kebanyakan keputusan kritikal dalam kepimpinan dibuat dalam situasi tekanan yang amat tinggi. Hal ini boleh menyebabkan berlaku kezaliman dalam pentadbiran sebuah negeri sekiranya pemimpin bertindak mengikut nafsu marah dan hilang pertimbangan.

### **Perancangan Tuanku Malim Dewa bertarung dengan burung garuda**

Peristiwa selanjutnya yang dapat mengesan wujudnya perancangan dalam tindakan pemimpin melalui peristiwa Tuanku Malim Dewa bertarung dengan burung garuda. Berdasarkan peristiwa Tuanku Malim Dewa bertarung dengan burung garuda, baginda telah menetapkan objektif dengan jelas, iaitu membunuh burung garuda tersebut. Bagi mencapai objektifnya, strategi yang dirancang oleh Tuanku Malim Dewa memperlihatkan perancangan yang teliti dan bijak dalam menumpaskan burung garuda. Kebijaksanaan baginda terserlah apabila baginda membuat strategi bagi menarik perhatian burung garuda bahawa terdapat benda hidup di Kuala Air Batu. Baginda telah memasang perangkap untuk mengumpan burung garuda supaya keluar dari tempat berteduh. Peristiwa tersebut dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

Tuanku Malim Dewa memberi titah pada Permaisuri Bonda Tuanku Malim Dewa untuk membakar sebuah

rumah di sebuah padang. Burung garuda akan kembali ke negeri ini setelah melihat asap yang naik ke udara untuk melihat ada manusia yang masih bernyawa. Tuanku Malim Dewa akan menggunakan pedang jenawi jantan untuk membunuh burung garuda.  
(Hikayat Malim Dewa, 1998: 80)

Burung garuda telah terpedaya dengan muslihat yang dipasang oleh Tuanku Malim Dewa. Dengan cara ini, baginda dapat bertarung secara serampang dua mata dengan burung tersebut. Selain itu, kejayaan menumpaskan burung garuda telah menunjukkan sikap berani dalam diri baginda. Situasi ini menunjukkan Tuanku Malim Dewa mempunyai jiwa yang kental untuk berhadapan dengan pihak lawan yang begitu kuat dan ganas.

Tuanku Malim Dewa mempunyai jiwa yang kental dan bijak dalam menjayakan sesuatu perkara yang membuat baginda dilihat sebagai pemimpin yang berkaliber untuk mentadbir negeri. Tindak tanduk yang bernalas dalam mengatur perancangan telah membantu Tuanku Malim Dewa menumpaskan burung garuda. Keputusan yang dibuat oleh Tuanku Malim Dewa amat bertepatan dengan situasi tersebut, lantas memperlihatkan kecekapan baginda dalam membuat keputusan untuk merealisasikan objektifnya. Kejayaan sesebuah organisasi sering kali dikaitkan dengan pemimpin kerana pemimpin adalah orang yang menentukan matlamat sesuatu organisasi. Dalam kepimpinan setiap keputusan sama ada kecil, besar atau rutin mesti diberi perhatian. Apabila aspek keputusan diberi perhatian, maka semua perancangan yang diatur oleh pemimpin lebih mudah dilaksanakan dan dengan itu segala matlamat yang ingin dicapai akan dapat dipenuhi tanpa melibatkan banyak masalah. Ahmad Atory Hussain (1991) menyatakan bahawa keputusan adalah dianggap baik jika dapat dilaksanakan secara berkesan. Menurut Botvin (2000) dalam membuat keputusan, pertamanya pemimpin perlu yang mencari maklumat, kedua menjangka keputusan, ketiga bertindak secara beretika dan keempat mengurangkan aspek negatif.

Secara ringkasnya, perancangan bijak merupakan elemen terpenting yang harus dimiliki oleh setiap pemimpin. Oleh sebab itu, tradisi Melayu selalu memposisikan sifat bijak sebagai salah satu sifat utama yang harus dimiliki oleh seorang raja atau pemimpin. Perancangan sangat erat kaitannya dengan ketepatan dalam mengambil keputusan. Dengan demikian, akhirnya perancangan tersebut akan menyebelahi kepada kebaikan atau sebaliknya. Hal ini berkait rapat dengan corak

keputusan yang diambil oleh seseorang pemimpin dalam setiap tindakannya. Tanpa perancangan yang bijak, pemimpin akan mudah terjerumus dalam tindakan dan keputusan yang sewenang-wenang. Seorang raja atau pemimpin akan lebih dihormati apabila memiliki kearifan dalam setiap tindakannya. Kearifan yang dimiliki pemimpin akan menambah rasa kepercayaan rakyat bahawa beliau memang benar-benar figura yang tepat dan bersesuaian untuk memimpin seperti yang dapat ditekuni pada watak Tuanku Malim Dewa.

## Rumusan

Berdasarkan perbincangan dan analisis kajian yang menggunakan Prinsip Perancangan dalam *Hikayat Malim Dewa*, dapatkan kajian memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam menyokong pendekatan yang diketengahkan. Hal ini amat signifikan dan relevan kerana Prinsip Perancangan merupakan satu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh pemimpin dalam pengurusan sesebuah organisasi. Analisis peristiwa yang dilakukan secara terperinci dalam *Hikayat Malim Dewa*, memperlihatkan pengaplikasian dimensi-dimensi perancangan yang diimplementasikan oleh watak pemimpin mematuhi Prinsip Perancangan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Bertepatan dengan saranan pendekatan ini, tanpa perancangan yang sistematik dan tersusun, keseluruhan kepimpinan organisasi akan hilang arah tuju. Oleh itu, proses pengurusan organisasi yang dinamik, memerlukan kehadiran pemimpin yang mampu melihat jauh ke hadapan. Kemampuan pemimpin untuk menggariskan langkah-langkah proaktif, tepat, konsisten serat rasional dalam pentadbiran organisasinya telah melonjakkan karisma dan keintelektualan seseorang pemimpin. Kemampuan menyusun rancangan rapi untuk mencegah kesan-kesan negatif dan mengatasi masalah yang diramal bakal timbul merupakan satu lagi karisma yang dipancarkan dalam teks kajian ini.

\*\*\*\*\*

## Bibliografi

- Ab. Aziz Yusof. (2004). *Kepemimpinan dalam Mengurus Perubahan: Dari Dimensi Kemanusiaan*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Ab. Razak Ibrahim dan Ainin Sulaiman. (2000). *Gelagat Organisasi*. Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussain. (1991). *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd. (2003). *Teori Dan Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Aminuddin Mohd. Yusof. (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Botvin, G. J. (2000). *Lifeskills Training: Promoting Health and Personal Development*. New Jersey: Princeton Health Press.
- Certo, Samuel C. (1997). *Modern Management: Diversity, Quality, Ethics, and the Global Environment*. New Jersey, Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Cheng, S. (2004). *Endowment and Contrast: The Role of Positive and Negative Emotions on Well-being Appraisal. Personality and Individual Differences*. 37(5): 905-915. America: American Psychological Association.
- Cooper, R. K., dan A. Sawaf. (1997). *Emotional Intelligence in Leadership & Organizations*. New York: Grosset/Putnam.
- Fineman, S. (2003). *Understanding Emotion at Work*. London: Sage Publication.
- Fiedler. (1967). *Theory of Leadership Effectiveness Hardcover*. New York: Mc-Graw-Hill.
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- James A.F Stoner & Charles Wankel. (1991). *Pengurusan (Edisi ke-3)*. Kuala Lumpur. Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Koontz, Harold dan Heinz Weirich. (1987). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lynne Millward (2005). *Understanding Occupational and Organizational Psychology*. London: Sage Publications.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). *Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera*. Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober, 2013.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). *Pendekatan Pengurusan dalam Kritikan Kesusastraan*. Syarahan Perdana. Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 4 Ogos 2016.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014). *Prinsip Perancangan: Penelitian Berdasarkan Cerita-Cerita Rakyat*. Dlm. prosiding International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea, 14<sup>th</sup> - 16<sup>th</sup> May, 2014.

Robbins, S. (2003). *Organizational Behavior*. New Jersey: Prentice Hall.

Tenas Effendy. (2000). *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.